



Jom Klik e-Filing

MUDAH | TEPAT | SELAMAT

1 Mac - 30 April 2021

Tidak Menyatakan Perniagaan

1 Jun - 30 Jun 2021

Menyatakan Perniagaan

<https://mytax.hasil.gov.my>



www.hasil.gov.my



03-8911 1000



Borag Maklum Balas di portal rasmi LHDNM

1. SUDAH ADA POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) TAK PERLU KEMUKAKAN BORANG ?

Anda dianggap telah melaksanakan tanggungjawab kepada negara walaupun memilih untuk tidak menghantar Borang Nyata kepada LHDNM. Kaedah ini adalah PCB Sebagai Cukai Muktamad dan tertakluk di bawah Seksyen 77C, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Mudah, bukan?

Bagaimana untuk memilih kemudahan ini ? Anda perlu pastikan :

- Mempunyai satu punca pendapatan iaitu pengajian;
- Berkhidmat dengan majikan yang sama;
- PCB dipotong mengikut kaedah-kaedah cukai pendapatan;
- Cukai tidak ditanggung oleh majikan; dan
- Suami dan isteri membuat pilihan taksiran berasingan.

Sekiranya anda tidak menepati kriteria di atas atau ingin menuntut potongan tambahan atau rebat, Borang Nyata perlu dikemukakan.



2. PELEPASAN CUKAI TAMBAHAN TAHUN TAKSIRAN (TT) 2020

Pelepasan Cukai Baharu Yang Diperkenalkan

-Perbelanjaan perubatan bagi rawatan kesuburan (Diri sendiri atau suami / isteri) sehingga RM6,000.

-Pelepasan tambahan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak dan bukan untuk kegunaan perniagaan **yang dilakukan dalam tempoh 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 sehingga RM2,500.**

-Bayaran penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan dan bayaran masuk ke tempat tarikan pelancong untuk individu **yang dilakukan pada atau selepas 1 Mac 2020** sehingga RM1,000.

Bagi senarai penuh, sila layari Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > klik Pelepasan Cukai di bawah menu Individu.

3. ADAKAH ANDA TELAH KEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI ?

Sila layari MyTax melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> dan klik e-Kemaskini Profil Diri untuk mengemas kini alamat surat menyurat, nombor telefon, emel, nama dan nombor akaun bank.

4. 31 MAC 2021 : TARIKH AKHIR PENGHANTARAN BORANG E TAHUN SARAAN 2020

Majikan disarankan untuk menggunakan e-Filing melalui MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> bagi penghantaran Borang E.

5. BAYARAN CP500 SECARA DWIBULANAN

Bayaran pertama bermula pada bulan Mac 2021 sebanyak enam kali ansuran sehingga Jan 2022. Tarikh akhir bayaran pertama adalah pada 30 Mac 2021.

Bayaran boleh dibuat secara dalam talian melalui ByrHASiL :

FPX (Financial Process Exchange) di <https://byrhasil.gov.my/fpx/>

Kad Kredit Visa, Mastercard & American Express di <https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/>

Masukkan kod bayaran 084 dan pilih Tahun Taksiran 2021.

6. WEBINAR – LHDNM-CTIM TAX FORUM 2021

CTIM dan LHDNM akan menganjurkan Webinar - LHDNM-CTIM Tax Forum pada 23 Mac 2021.

Dapatkan brosur dan borang penyertaan melalui pautan berikut : http://www.ctim.org.my/file/cpd/8/00704_LHDNM-CTIM%20Tax%20Forum%202021.pdf

